

Isu dan Cabaran semasa Pentadbiran Ketua Menteri Sarawak, Datuk Penghulu Tawi Sli, 1966-1970.

Issues and Challenges during the Administration of Chief Minister of Sarawak, Datuk Penghulu Tawi Sli, 1966-1970

Ruzaini Fikri Mohd Azman & Suffian Mansor*

Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author: smansor@ukm.edu.my

Abstrak

Makalah ini membincangkan mengenai isu dan cabaran semasa pentadbiran Datuk Penghulu Tawi Sli, Ketua Menteri Sarawak yang kedua antara tahun 1966 dan 1970. Kebanyakan tulisan mengenai tokoh ini adalah terhad kepada penglibatan beliau dalam usaha menjatuhkan Stephen Kalong Ningkan pada 1966, dan juga persepsi bahawa beliau hanya boneka kepada Kerajaan Persekutuan. Objektif kajian ini ingin menelusuri kehidupan awal beliau sehingga penglibatan beliau dalam politik Sarawak dan seterusnya pelantikan beliau sebagai Ketua Menteri. Selain itu, kajian ini juga mengkaji semula persepsi beliau sebagai boneka, dan menilai usaha beliau untuk mentadbir Sarawak, menangani pelbagai pandangan dalam Perikatan Sarawak, dan mempertahankan hak Sarawak dalam Malaysia. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian sejarah, dengan menumpukan sumber primer yang diperolehi dari Arkib Negara Malaysia, Memorial Tunku Abdul Rahman, dan sumber atas talian seperti fail Arkib Negara Australia. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa beliau mempunyai pengalaman dalam pentadbiran, walaupun tidak terserlah, sebelum 1966, dan berhujah bahawa walaupun beliau mempunyai personaliti yang lembut, beliau telah berusaha memperjuangkan tempat Sarawak dalam Malaysia, cuba mengimbangi kepentingan dalam Perikatan Sarawak, dan berusaha mempertahankan hak Sarawak.

Kata Kunci: Penghulu Tawi Sli; Krisis Sarawak 1966; Persekutuan; Hak Sarawak; Perikatan Sarawak

Abstract

This paper discusses issues and challenges during the administration of Datuk Penghulu Tawi Sli, the second Chief Minister of Sarawak from 1966 to 1970. Most writings on him are limited to his involvement in the toppling of Stephen Kalong Ningkan in 1966, and the perception that he was a mere puppet of the Federal Government. The objective of this study is to navigate through his early life until involvement in Sarawak politics, leading to his appointment as Chief

Minister. In addition, this study also seeks to re-evaluate the perception of him as puppet, and assess his role in the administration of Sarawak, managing disparate interests in the Sarawak Alliance, and defending Sarawak's rights within Malaysia. This study uses the historical research method, focusing on primary sources from the National Archives Malaysia and the Tunku Abdul Rahman Memorial, and online sources such as the National Archives Australia files. The findings show that Tawi Sli had experience in administration, even though he was unassuming, before 1966, and argue that even with his weak personality, he managed to fight for Sarawak's place in Malaysia, address the various interests within the Sarawak Alliance, and defend Sarawak's rights.

Keywords: *Penghulu Tawi Sli; Sarawak Crisis 1966; Federation; Sarawak Rights; Sarawak Alliance*

PENDAHULUAN

Penulisan biografi tokoh politik Sarawak, terutamanya tokoh yang memainkan peranan penting dalam sejarah menuju pembentukan Persekutuan Malaysia dan tahun-tahun seterusnya, masih berada dalam tahap yang sederhana. Beberapa buku dan artikel biografi tokoh politik telah ditulis seperti Temenggung Jugah, Temenggung Oyong Lawai Jau, Datu Bandar Abang Haji Mustapha, Datuk Stephen Kalong Ningkan, Tun Datuk Patinggi Abdul Rahman Yakub, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, dan Dato' Sri Edmund Langgu anak Saga, dan juga beberapa memoir yang ditulis oleh tokoh politik Sarawak pada tempoh awal pembentukan Malaysia, seperti James Wong, Stephen Yong, Tan Sri Ong Kee Hui, dan Datuk Leo Moggie.¹ Namun, salah seorang tokoh politik yang masih belum menerima perhatian yang sewajarnya dalam penulisan biografi ialah Datuk Penghulu Tawi Sli (1912-1987). Walaupun Tawi Sli adalah Ketua Menteri Sarawak yang kedua (1966-1970), namun peranan politik dan pentadbiran beliau seolah-olah dilupakan atau diperkecilkan berbanding pendahulunya, Stephen Kalong Ningkan, mahupun penggantinya, Abdul Rahman Yakub, walaupun tempoh pentadbiran beliau merupakan antara tempoh yang kritikal dalam sejarah Sarawak.

Objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti isu dan cabaran semasa pentadbiran Ketua Menteri Tawi Sli dari tahun 1966 hingga tahun 1970. Artikel ini membincangkan kehidupan dan kerjaya politik awal beliau (1912-1965), sehingga krisis politik Sarawak yang membawa kepada pelantikannya sebagai Ketua Menteri Sarawak (1965-1966). Antara isu dan cabaran yang dihadapi semasa pentadbirannya termasuk kesahihan kedudukan beliau sebagai Ketua Menteri, usaha mempertahankan kedudukan Sarawak dalam Malaysia, cabaran keseimbangan politik dalam Perikatan Sarawak, dan usaha pentadbiran beliau dalam memperjuangkan hak Sarawak yang berkemungkinan membawa kepada penyisihan beliau (1966-1970).

Lebih penting, artikel ini ingin menilai kembali pandangan umum oleh beberapa sarjana sejarah dan sains politik mengenai kedudukan Tawi Sli sebagai Ketua Menteri. Beberapa penulis hanya memberi satu dua kata sifat yang memperkecilkan peranan beliau dalam kerajaan paska-Ningkan tanpa bukti yang kukuh. Beberapa sarjana berkongsi pandangan beliau adalah pak turut kepada Kuala Lumpur.² Ada juga yang membincangkan pentadbiran Penghulu Tawi Sli dengan lebih luas, walaupun masih dalam kerangka persepsi bahawa beliau lebih banyak dikawal oleh pemimpin politik dari Kuala Lumpur dan Sarawak.³ Hanya beberapa penulisan yang cuba membincangkan dasar dan cara pentadbiran Tawi Sli sebagai Ketua Menteri secara lebih seimbang.⁴ Maka, artikel ini ingin mengambil pendekatan yang lebih adil dalam menilai kekuatan dan kelemahan pentadbiran Tawi Sli sebagai Ketua Menteri Sarawak, termasuk cabaran dalam mengimbangi matlamat kerajaan Persekutuan dan hak negeri Sarawak yang sah.

Metodologi

Kaedah kajian yang digunakan adalah kajian kualitatif dengan merujuk kepada sumber primer dan sekunder. Antara sumber primer yang dirujuk dalam penulisan artikel ini termasuk fail Colonial Office (CO), fail Jabatan Perdana Menteri (JPM), hansard Dewan Rakyat dan laporan akhbar yang dirujuk di Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Memorial Tunku Abdul Rahman Putra (MTARP), dan sumber atas talian termasuk sumber daripada laman web National Archives of Australia (NAA). Antara sumber sekunder yang dirujuk termasuk buku dan artikel jurnal dan majalah yang dirujuk di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia serta Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

KEHIDUPAN DAN KERJAYA POLITIK AWAL TAWI SLI, 1912-1965

Tawi Sli dilahirkan pada 12 Jun 1912 di Banting, Bahagian Kedua, Sarawak. Beliau merupakan keturunan daripada pemimpin-pemimpin Iban tradisional yang memegang jawatan penghulu. Ayahnya Tini ak. Enchi (meninggal dunia 1966), merupakan seorang tuai rumah dan katekis awam dalam Gereja Anglikan (SPG). Menurut Jayum Jawan, Tawi Sli mengambil nama Sli selepas nama peribadinya, kerana Sli merupakan ayah angkatnya. Beliau juga berkerabat dengan ketua-ketua Balau dari Banting, dan isteri beliau, Dorothy Inti (meninggal dunia 9 April 2015), merupakan anak saudara Penghulu Kerbau dari Banting.⁵ Tawi Sli menerima peluang pendidikan formal yang agak tinggi bagi masyarakat Iban pada zaman pra-Perang Dunia Kedua, di mana beliau belajar di sebuah sekolah mubaligh di Banting, Lingga, kemudian ke Sekolah St. Luke's di Simanggang, sebelum meneruskan pengajian sehingga Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah St. Thomas di Kuching. Beliau kemudian berkhidmat sebagai seorang guru sekolah mubaligh di Banting selama tiga tahun sebelum meneruskan pengajian agama paska-menengah di sebuah seminari Anglikan di Kuching selama tiga tahun untuk menjadi seorang *padre*, walaupun beliau tidak menghabiskan pengajian agama ini. Pada tahun 1937, Tawi Sli telah diambil bekerja sebagai kerani dalam perkhidmatan kerajaan Sarawak, bergaji \$30 sebulan, dan beliau terus bekerja sehingga tahun 1960.⁶ Tiada maklumat bertulis yang ditemui mengenai aktiviti beliau semasa pendudukan Jepun di Sarawak (1942-1945).

Selepas Tawi Sli bersara daripada perkhidmatan awam Sarawak pada tahun 1960, beliau bekerja sebagai seorang penulis petisyen. Namun, perkembangan politik pada tahun 1961-1963 telah membuka ruang kepadanya untuk berkecimpung dalam politik Sarawak. Cadangan oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada 27 Mei 1961 supaya Tanah Melayu membentuk kerjasama politik dan ekonomi yang lebih erat dengan wilayah jajahan dan naungan British iaitu Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara telah mencetuskan minat dan kebimbangan dalam kalangan penduduk wilayah yang terbabit.⁷ Di Sarawak, reaksi kepada kenyataan Tunku menjemput perbincangan yang hangat, sama ada menyokong atau pun menentang cadangan pembentukan Malaysia. Wahana perbincangan ini adalah parti politik, seperti Parti Negara Sarawak (PANAS), Sarawak United People's Party (SUPP), dan juga parti-parti majoriti Iban yang terbentuk kerana kebimbangan mengenai hak dan kedudukan masyarakat Iban. Ini termasuk Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA) yang diketuai oleh Temenggung Jugah dan didominasi oleh orang Iban dari Bahagian Ketiga, dan Sarawak National Party (SNAP) yang mewakili orang Iban dari Bahagian Kedua.⁸ Tawi Sli, yang berasal dari Bahagian Kedua, telah menyertai dan bergerak dalam parti SNAP.

Peranan Tawi Sli semasa perbincangan pembentukan Malaysia termasuk menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold sebagai mewakili suara 20,000 orang penduduk

Simanggang yang menyokong Rancangan Malaysia. Namun, memorandum beliau menuntut beberapa perlindungan dalam bentuk jaminan berperlembagaan, seperti kelayakan jawatan Ketua Negeri, kebebasan beragama, pendidikan, bahasa rasmi, biasiswa dan pekerjaan, persekolahan, pembangunan awam dan desa, hak tanah, penghijrahan, perwakilan dalam Kerajaan Persekutuan, dan jaminan berperlembagaan yang tidak boleh diubah kecuali dengan sokongan rakyat Sarawak.⁹ Selain itu, Tawi Sli juga memainkan peranan yang sederhana, iaitu sebagai Setiausaha SNAP cawangan Simanggang,¹⁰ dan juga antara individu yang telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Perikatan Sarawak. Beliau juga diberi penghormatan sebagai salah seorang daripada 14 orang wakil delegasi Perikatan Sarawak yang dipilih menghadiri mesyuarat Perikatan Raya di Kuala Lumpur.¹¹ Pada Mac 1963, Tawi Sli telah memenangi pemilihan penghulu di Simanggang dan mendapat gelaran Penghulu. Kemudian dalam pilihan raya Sarawak pada pertengahan tahun 1963, sebagai calon Perikatan Sarawak, Penghulu Tawi Sli telah dipilih sebagai salah seorang ahli dari Majlis Penasihat Bahagian Kedua untuk menjadi Ahli Council Negri.¹²

Walaupun personaliti Tawi Sli tidak begitu menonjol, namun beliau pernah dinamakan sebagai salah seorang calon Ketua Menteri Sarawak yang pertama, selain daripada Abdul Rahman Yakub, Edward Jerah, Stephen Kalong Ningkan, dan James Wong.¹³ Kerajaan Persekutuan sedar bahawa masyarakat Iban merupakan tunjang Perikatan Sarawak dan jawatan Ketua Menteri Sarawak perlu disandang oleh seorang Iban. Tunku Abdul Rahman lebih cenderung kepada Penghulu Tawi Sli, namun Gabenor Sarawak, Alexander Waddell, memandang Tawi Sli sebagai seorang “*ex court peon and of little account*”, dan akhirnya Stephen Kalong Ningkan telah dilantik sebagai Ketua Menteri Sarawak yang pertama pada 22 Julai 1963.¹⁴

KRISIS SARAWAK DAN PEMILIHAN SEBAGAI KETUA MENTERI SARAWAK, 1965-1966

Walaupun Tawi Sli tidak dilihat sebagai seorang yang terserlah secara politik, beberapa krisis di Sarawak antara tahun 1965 dan 1966 telah membuka jalan kepada beliau untuk akhirnya menjadi Ketua Menteri Sarawak pada Jun 1966. Isu utama yang menjadi pencetus siri krisis di Sarawak adalah kepimpinan dan keperibadian Ketua Menteri, Stephen Kalong Ningkan, yang menyebabkan beliau tidak disukai oleh pemimpin bumiputera dalam Perikatan Sarawak dan juga kepimpinan di Kuala Lumpur. Antara isu serius dengan pentadbiran beliau termasuk ketidakpuasan hati parti PESAKA kerana tiada wakil dalam kabinet beliau, walaupun PESAKA mempunyai ahli paling ramai dalam Council Negri, Krisis Rang Undang-Undang Tanah 1965 di mana usul bagi memudahkan tanah milik bumiputera dibeli oleh orang Cina mencetuskan kebimbangan orang bumiputera Sarawak, konflik Ningkan dengan Kerajaan Persekutuan berkenaan implementasi Bahasa Melayu dalam hal ehwal rasmi Sarawak, dan kepesatan proses Borneanisasi.¹⁵ Tindakan beliau yang bermusuhan dengan ahli Perikatan Sarawak kemudian membawa kepada konspirasi untuk menjatuhkan beliau, diketuai oleh Abdul Taib Mahmud dan Abdul Rahman Yakub dari Barjasa, Thomas Kana dari PESAKA, dan Alfred Mason, Setiausaha Politik Temenggung Jugah (misalnya, insiden Stephen Ningkan menyerang Alfred Mason telah mendatangkan kemarahan Temenggung Jugah).¹⁶

Sebelum krisis di Sarawak meletus, beberapa tokoh dari parti SNAP telah meninggalkan parti tersebut dan menganggotai PESAKA, antaranya Tawi Sli dan Pengarah Storey pada bulan April 1966.¹⁷ Tindakan beliau untuk menyertai PESAKA merupakan satu langkah politik yang baik. Stephen Kalong Ningkan memecat Abdul Taib Mahmud daripada Kabinet Sarawak pada 12 Jun 1966 dan mencetuskan krisis kepercayaan terhadap pentadbiran beliau. Pada hari berikutnya (13 Jun), parti PESAKA dan Barjasa telah membuat kenyataan bahawa 20 ahli Council Negri akan memboikot mesyuarat Council sehingga Ningkan

melepaskan jawatan Ketua Menteri kerana beliau sudah kehilangan kepercayaan wakil bumiputera dalam Council Negri dan Kabinet, disokong dengan satu petisyen yang mengandungi tandatangan 21 orang ahli Council Negri (15 ahli PESAKA, lima Barjasa, dan seorang PANAS) menuntut penyingkiran Ningkan. Pada pandangan Tunku Abdul Rahman, sebagai ketua Perikatan Malaysia, isu ini merupakan isu kepartian, dan Perikatan Sarawak berhak menyingkirkan Ketua Menteri daripada parti tersebut yang sudah kehilangan kepercayaan, walaupun hujah ini tidak diterima oleh Stephen Kalong Ningkan.¹⁸

Pada malam 15 Jun 1966, Majlis Perikatan Kebangsaan bermesyuarat selama 90 minit, dan bersetuju memilih Tawi Sli sebagai calon Ketua Menteri Sarawak yang baharu.¹⁹ Di sini, penekanan harus diberi kepada dua perkara: faktor pelantikan Tawi Sli, dan apakah Tawi Sli hanya menjadi boneka kerajaan Pusat yang pasif. Bagi perkara pertama, faktor pemilihan beliau sebagai calon Ketua Menteri adalah kerana kelayakan beliau sendiri. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Tawi Sli pernah menjadi antara calon Ketua Menteri Sarawak pada tahun 1963. Malah, keanggotaan beliau dalam parti PESAKA juga membantu dalam pencalonan beliau. Faktor persaingan antara PESAKA dan SNAP pada 1963-1965 adalah kerana semasa pentadbiran Ningkan, tiada seorang pun wakil PESAKA yang terpilih dalam Kabinet Sarawak, dan ini disebabkan calon-calon PESAKA dalam Council Negri tiada pendidikan formal dan pengalaman dalam pentadbiran moden, walaupun PESAKA merupakan parti terbesar dalam Council Negri.²⁰ Penyertaan Tawi Sli dalam PESAKA memberi legitimasi kepada parti tersebut untuk mencalonkan beliau, atas kelayakan beliau sebagai seorang Penghulu, berpendidikan Inggeris, dan mempunyai latar belakang sebagai bekas staf kerajaan dan juga memegang jawatan pentadbiran, dan disokong oleh parti yang terbesar dalam Perikatan Sarawak.

Tawi Sli juga bernasib baik kerana ketiadaan calon lain yang lebih layak di Sarawak pada waktu tersebut. Abdul Rahman Yakub dari Barjasa telah kalah dalam pilihan raya 1963 dan bukan ahli Council Negri, dan sedang memegang jawatan Menteri Muda Hal Ehwal Tanah dan Galian di peringkat Persekutuan. Temenggung Jugah, ketua PESAKA, berada di Kuala Lumpur sebagai Menteri Persekutuan Hal Ehwal Sarawak. Thomas Kana, Setiausaha Agung PESAKA, juga berada di Kuala Lumpur sebagai Setiausaha Parlimen, dan Alfred Mason, juga dari PESAKA, berkhidmat sebagai Setiausaha Politik Temenggung Jugah.

Bagi perkara kedua, adakah Tawi Sli ingin menjadi Ketua Menteri, atau beliau hanya memainkan peranan sebagai boneka Kerajaan Persekutuan yang pasif dan tiada input. Misalnya, Stephen Yong, Setiausaha Agung parti SUPP, tidak percaya bahawa Tawi Sli berkebolehan untuk membuat kenyataan politik yang keras seperti menggelar parti SUPP sebagai parti 'neo-komunis,' dan menuduh beliau sebagai gema suara tuannya di Kuala Lumpur.²¹ Tambahan lagi, tindakan Tawi Sli ke Kuala Lumpur sejurus selepas pelantikan beliau untuk memikirkan keahlian kabinet dijadikan hujah bahawa pentadbiran beliau akan lebih tunduk kepada Persekutuan dan tidak memperjuangkan hak negeri berbanding bawah pentadbiran Ningkan.²² Namun begitu, kenyataan oleh pegawai yang mengenali beliau dan juga musuh politik beliau tidak menggambarkan seorang yang pasif. Alastair Morrison, pegawai asing yang pernah berkhidmat di Sarawak, membuat komen bahawa Tawi Sli, "*was a small, kindly man, lacking Ningkan's fire but possessing enough ambition to want to lead*".²³ Manakala, semasa perdebatan dalam Dewan Rakyat pada 19 September 1966, Tawi Sli digambarkan oleh pihak pembangkang sebagai seorang yang bukan sahaja bercita-cita, tetapi sanggup melakukan apa sahaja untuk menjadi Ketua Menteri, termasuk menculik dan menahan ahli Council Negri. Tuduhan ini dilemparkan oleh D.R. Seenivasagam dari People's Progressive Party (PPP)²⁴ dan juga Edmund Langgu anak Saga dari parti SNAP.²⁵ Sama ada gambaran ini adil atau tidak kepada beliau, jelas ini bukan tindakan seorang boneka, tetapi individu yang sanggup bergerak aktif untuk mengukuhkan kedudukan beliau sebagai Ketua Menteri.

Keinginan dan cita-cita Penghulu Tawi Sli untuk menyandang jawatan Ketua Menteri tercapai pada Jun 1966, namun hal ini tidak semestinya berkaitan dengan kebolehan beliau untuk mentadbir Sarawak dan menghadapi cabaran dalam tempoh antara 1966 dan 1970. Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Tawi Sli semasa tempoh pentadbiran beliau sebagai Ketua Menteri termasuk 1) Kesahihan kedudukan beliau sebagai Ketua Menteri, 2) Keseimbangan dalam kerajaan Perikatan Sarawak, 3) Usaha mempertahankan Sarawak dalam Malaysia, dan 4) Perjuangan hak Sarawak.

Kesahihan Kedudukan Tawi Sli sebagai Ketua Menteri

Isu pertama pentadbiran Tawi Sli adalah bagaimana beliau dapat mengukuhkan kesahihan kedudukan beliau sebagai Ketua Menteri Sarawak selepas penyingkiran Stephen Kalong Ningkan. Walaupun Tawi Sli berjaya dilantik sebagai Ketua Menteri pada 17 Jun 1966, namun Stephen Kalong Ningkan telah bertindak mencabar kesahihan pelantikan beliau di mahkamah. Menurut Ningkan, pemecatan beliau adalah di luar bidang kuasa Perlembagaan Negeri, dan pada 7 September 1966, pemangku Ketua Hakim E.R. Harley memutuskan bahawa pemecatan Ningkan melanggar Perlembagaan dan merumuskan bahawa masalah politik memerlukan penyelesaian politik seperti pilihan raya.²⁶ Selain daripada itu, berlaku perebutan antara Tawi Sli dan Ningkan untuk mendapat sokongan ahli Council Negri yang lain, terutamanya dari parti PANAS dan Sarawak Chinese Association (SCA) selama hampir dua bulan, yang mengancam kedudukan Tawi Sli.²⁷

Oleh itu, Tawi Sli telah mengambil beberapa tindakan untuk mengukuh kedudukan beliau sebagai Ketua Menteri Sarawak, iaitu secara perundangan dan politik, dengan sokongan kerajaan Perikatan di Kuala Lumpur. Bagi menonjolkan diri beliau sebagai pemimpin politik yang kuat, berbeza daripada imej beliau yang sebelum ini tidak terserlah dan lemah lembut, Tawi Sli telah menggunakan apparatus kerajaan, iaitu akhbar dan radio untuk menyerang musuh politiknya dan membuktikan kesahihan pelantikan beliau: *"If I were not so, how could I command the services of Departments like Information and Broadcasting? If I am not Chief Minister, I would not have been provided with military and police escorts during my visits to outstations."*²⁸

Dalam akhbar *Vanguard*, beliau menggambarkan Ningkan sebagai *'bankrupt of political ideas,'* dan serangan Ningkan ke atas Temenggung Jugah sebagai *'shameful, bitter and highly personal,'* yang datangnya daripada *'a disturbed and confused mind and arrogance ...partly responsible for his downfall and inevitably into political obscurity.'*²⁹ Bagi mengukuhkan lagi kerajaan beliau, beliau juga cuba memenangi sokongan parti lain dalam Perikatan Sarawak iaitu PANAS dan SCA dengan menawarkan kerusi dalam kabinet beliau. SCA bersetuju untuk memberi sokongan kepada Tawi Sli dan diberi tempat dalam kabinet beliau. Selepas perundingan selama beberapa minggu, PANAS yang sebelum ini menyokong Stephen Kalong Ningkan bersetuju untuk memindahkan sokongan kepada Tawi Sli.³⁰

Selain daripada sokongan di peringkat Sarawak, Tawi Sli juga telah menerima sokongan daripada Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan Kerajaan Persekutuan. Tunku telah menggunakan platform Perhimpunan Agung UMNO pada 30-31 Julai 1966 untuk menyokong Tawi Sli, yang menurutnya "seorang yang jujur dan ikhlas dan saya percaya dengan pimpinannya akan tertanamlah semangat Malaysia dalam hati orang Sarawak, dan apakala ada perasaan itu maka dapatlah orang Sarawak hidup sebagai orang Malaysia dalam erti yang sepenuhnya."³¹

Namun, sokongan politik yang diterima oleh Tawi Sli di peringkat negeri dan pusat tidak memadai selagi Stephen Kalong Ningkan tidak dapat disingkirkan secara perundangan. Maka, selepas pengisytiharan keputusan Mahkamah di Kuching yang berpihak kepada

Ningkan, Tawi Sli menghantar surat kepada beliau untuk mencabarnya memanggil Council Negri bersidang bagi mengadakan undi tidak percaya:

*We could only demonstrate our lack of confidence in you in Council Negri. There are 25 of us in a House of 42 including 3 ex-officio members who have made statutory declarations that we do not have confidence in you ... You call your government a SNAP government. The people of Sarawak know that there are only 6 SNAP members in Council Negri. Are you going to tell the world that it is constitutional for a group of 6 men to run a government in a House of 42? Or are you scared that your SNAP government might snap in Council Negri?*³²

Namun, selepas Ningkan tidak mengendahkan cabaran ini, Tawi Sli dan penyokong beliau telah menghantar petisyen kepada Gabenor Tun Abang Haji Openg pada 13 September 1966, supaya kerajaan tidak menafikan permintaan ketua pembangkang untuk menetapkan satu hari bagi perbincangan usul menyatakan tidak percaya kepada kerajaan. Tawi Sli dan penyokong petisyen ini menolak kerajaan minoriti Ningkan yang mentadbir “*contrary to the spirit and letter of the constitution of the State of Sarawak.*”³³

Dalam tempoh antara 7-19 September 1966, persaingan antara penyokong Stephen Kalong Ningkan dan Penghulu Tawi Sli telah membangkitkan tuduhan dan kebimbangan bahawa Sarawak berada dalam keadaan bahaya, seperti ugutan bunuh terhadap wakil rakyat. Suasana politik yang tegang ini dijadikan alasan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membawa usul ke Parlimen bagi mengisytiharkan Darurat di Sarawak.³⁴ Darurat ini membolehkan Perlembagaan Sarawak dipinda supaya bidang kuasa Gabenor diperjelaskan agar beliau boleh melantik atau memecat Ketua Menteri. Dalam mesyuarat Council Negri pada pagi 23 September, 1966, kerajaan majoriti Tawi Sli telah membawa usul tidak percaya terhadap Ningkan, undian 25-0 (parti SNAP dan SUPP memboikot sidang Council Negri ini). Dalam usul ini, Tawi Sli menyatakan:

*...the members of the Alliance were the majority in the Government. It is because of our majority we feel that we should rule, because this is the principle of democracy and it has been the practice in Commonwealth countries that wherever the Government – the ruling Government is in the majority – that must be the party that rules the Government. So that is how we always feel and we are not happy with the present set-up of an autocratic Government.*³⁵

Sehari selepas undi di Council Negri, Tawi Sli telah mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sarawak. Bagi mempertahankan segala tindakan politik beliau dan juga tindakan kerajaan Persekutuan yang membolehkan Perlembagaan Sarawak dipinda, Tawi Sli menjelaskan, “*the Federal law did not in any way change the Sarawak Constitution. Nor did it tamper with the State Constitution...it merely bridged the gap in the State Constitution by a very temporary measure,*” dan berhujah bahawa tindakan ini perlu untuk mempertahankan semangat demokrasi berparlimen: “*Parliamentary democracy seems to us to be the best form of government, a happy blend of dignity and stability. It is the government of the people by the people through their elected reps and not by dictatorial leaders...the essence of democracy is the recognition of majority’s rule. This principle of democracy that the majority should rule has been in existence for many centuries and now being upheld throughout Malaysia.*”³⁶

Siri tindakan oleh Tawi Sli, Gabenor Tun Abang Haji Openg dan Kerajaan Persekutuan dari Jun ke September 1966 telah berjaya menghalang Stephen Kalong Ningkan dan parti SNAP daripada menjadi Ketua Menteri. Namun, tindakan Tawi Sli, walaupun boleh dihujah sebagai sah dan mengikut undang-undang secara teori, dilihat sebagai tidak adil, dan terlalu

bergantung kepada Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan krisis dalam negeri. Ini menjadikan Ningkan sebagai seorang korban politik, dan mengurangkan kepercayaan pengundi Iban kepada parti PESAKA sebagai tunjang Perikatan Sarawak, yang kemudian memberi kesan kepada kuasa politik beliau.

KESEIMBANGAN POLITIK DALAM PERIKATAN SARAWAK

Walaupun Tawi Sli berusaha untuk menjadi Ketua Menteri yang berkesan, namun dua perkara telah kemudian menjadi punca kelemahan pentadbiran beliau: persaingan politik dalam Perikatan Sarawak, dan usaha beliau memperjuangkan hak Sarawak dalam Malaysia. Pada tempoh awal selepas beliau menyandang jawatan Ketua Menteri, beliau cuba membuat keputusan yang tegas bagi mengukuhkan tempat PESAKA dalam Kabinet Sarawak yang sebelum ini diketepikan oleh kerajaan Stephen Kalong Ningkan. Pada 22 Jun 1966, beliau mengumumkan kabinet pertama beliau yang terdiri daripada Penghulu Francis Umpau dan Tajang Laing dari PESAKA, Awang Hipni dan Abdul Taib Mahmud dari Barjasa, dan Abang Abdul Rahim dari PANAS.³⁷ Namun, kabinet awal ini telah mengeneipkan wakil daripada masyarakat Cina. Walaupun sejak awal, Tawi Sli menekankan bahawa beliau berharap SCA akan diwakili dalam kabinet beliau, beliau ingin menunjukkan bahawa pilihan kabinet itu atas inisiatif beliau, dan bukan atas arahan Kuala Lumpur.³⁸ Akhirnya pada 23 September 1966, selepas krisis politik di Sarawak selesai, Tawi Sli mengangkat sumpah buat kali kedua sebagai Ketua Menteri, dan kabinet kedua beliau bukan sahaja terdiri daripada wakil PESAKA dan Barjasa, tetapi juga Teo Kui Seng dan Ling Beng Siong dari SCA.³⁹

Di sini, boleh dilihat antara kelemahan dalam pendekatan dan pentadbiran Tawi Sli adalah keinginan beliau untuk mengimbangi kepentingan pelbagai parti dalam Perikatan Sarawak, walaupun wujudnya ketegangan antara parti ahli Perikatan Sarawak. Berbanding dengan pendahulu (Stephen Kalong Ningkan) dan pengganti beliau (Abdul Rahman Yakub), Tawi Sli tidak pernah digambarkan sebagai seorang ahli politik *strongman*, yang menggunakan karisma dan kuasa beliau untuk mendominasi rakan politik atau parti. Abdul Taib Mahmud menggambarkan beliau sebagai seorang yang *'moderate,' 'very good at heart'*, dan *'had the heart of a priest,'* namun tidak kuat dalam menghadapi cabaran di Sarawak pada waktu itu.⁴⁰ Leo Moggie, yang pernah berkhidmat dalam pejabat Ketua Menteri Tawi Sli, memberi penjelasan lain terhadap cara pentadbirannya. Beliau dilihat sebagai seorang yang berintegriti dan jujur, tetapi enggan memaksa pandangannya ke atas kabinet menteri dan staf dalam perkhidmatan awam negeri. Tambahan lagi, pentadbiran di tahap negeri dan dasar nasional merupakan sesuatu perkara yang baharu baginya.⁴¹

Tawi Sli merujuk kepada ahli dalam kabinet dan parti beliau untuk membantu dalam pentadbiran beliau. Jayum Jawan menggelar penasihat ini (Thomas Kana dari PESAKA, dan Abdul Taib Mahmud dan Abdul Rahman Yakub dari Barjasa) sebagai *kitchen cabinet* dan pembuat dasar utama dalam kerajaan, menunjukkan kelemahan PESAKA yang didominasi oleh Barjasa.⁴² Mungkin tuduhan ini kurang adil kepada Tawi Sli, kerana beliau juga tiada masalah merujuk kepada pakar dan ahli kabinet lain untuk membantu beliau, seperti Peguam Besar Negeri Sarawak, Tan Chiaw Thong sebagai penasihat undang-undang dan hak negeri.⁴³

Selain daripada pendekatan konsensus dalam membuat keputusan kabinet, Tawi Sli juga menggunakan MRP (*minor rural project*, atau projek luar bandar) untuk mengimbangi pengaruh parti dalam Perikatan Sarawak. Setiap menteri ditentukan kawasan di mana mereka boleh mengumumkan geran bagi projek di kawasan masing-masing, bagi menonjolkan jasa politik mereka. Misalnya, geran di kawasan PESAKA di Bahagian Ketiga atau Keempat diumumkan oleh Temenggung Jugah, manakala Tawi Sli membuat pengumuman geran MRP di Bahagian Kedua, dan juga di Kuching di Bahagian Pertama. Menurut Milne & Ratnam, antara Julai 1966 dan Mei 1970, menteri yang paling banyak membuat pengumuman geran

MRP ialah Ling Beng Siong (SCA), diikuti oleh Tawi Sli (PESAKA), Awang Hipni (Bumiputera), Abdul Rahman Yakub (Bumiputera), Abdul Taib Mahmud (Bumiputera), Teo Kui Seng (SCA), dan Temenggung Jugah (PESAKA).⁴⁴

Namun, pendekatan seimbang ini menyebabkan beliau dituduh sebagai Ketua Menteri yang terpaksa mengikut telunjuk orang lain di bawahnya. Beliau dituduh mengikut kehendak bukan sahaja orang Melanau seperti Abdul Taib Mahmud dan Abdul Rahman Yakub, tetapi juga kepada "*Rajang or Third Division people*" iaitu pemimpin PESAKA dari Bahagian Ketiga seperti Temenggung Jugah dan Thomas Kana.⁴⁵ Persepsi ini juga disebabkan Tawi Sli sendiri bukan ketua kepada parti PESAKA, hanya seorang Naib Presiden, dan disebabkan itu, tertakluk kepada karenah parti. Misalnya, pada 28 Oktober 1967, Parti Pesaka mengemukakan usul supaya Tawi Sli merombak kabinet negeri seperti yang diputuskan di Kapit pada 13 Oktober.⁴⁶ Sebulan kemudian, kedua-dua Thomas Kana (Setiausaha Agung PESAKA) dan Jonathan Bangau (Bendahari PESAKA) mengkritik Tawi Sli kerana dilihat cuba melengah-lengahkan keputusan rombakan kabinet,⁴⁷ walaupun Tawi Sli sudah melakukan rombakan kabinet pada 10 hari yang lepas.⁴⁸

Pada peringkat awal, antara tindakan pentadbiran Tawi Sli mencapai keseimbangan politik antara Perikatan Sarawak adalah dengan melantik seorang wakil Parti Bumiputera (gabungan antara parti Barjasa dan PANAS) sebagai Timbalan Ketua Menteri, iaitu Abang Abdul Rahim, adik Datu Bandar Abang Mustapha.⁴⁹ Namun, menjelang tahun 1967, Tawi Sli dilihat cuba mengambil pendekatan untuk mengukuhkan kedudukan PESAKA dalam kerajaan dan dalam Perikatan Sarawak. Bagi mengurangkan pengaruh Bumiputera, Abdul Taib Mahmud, wakil Bumiputera dan Menteri Pembangunan dan Perhutanan, telah diberi portfolio Menteri Kerajaan Tempatan, manakala portfolio lama beliau, iaitu Pembangunan dan Perhutanan, telah diambil alih oleh Tawi Sli sendiri dan juga oleh Tajang Laing.⁵⁰ Beberapa hari selepas kritikan Pesaka terhadap beliau, Tawi Sli telah menggugurkan Abdul Taib Mahmud daripada kabinet beliau, dan walaupun Bumiputera masih diwakili dalam kabinet beliau (Abang Abdul Rahim, Abang Ikhwan Zaini, dan Awang Hipni), portfolio penting dipegang oleh wakil PESAKA seperti Tawi Sli (Ketua Menteri, Kewangan, Pembangunan), Francis Umpau (Tanah dan Galian), dan Tajang Laing (Pertanian dan Perhutanan).

Dari segi politik, Tawi Sli juga cuba menetengahkan peranan PESAKA sebagai parti yang utama dalam Perikatan Sarawak. Dalam satu kenyataan di cabang PESAKA di Lempaong, beliau membuat kenyataan bahawa hanya PESAKA, sebagai parti majoriti Dayak, yang boleh melindungi hak dan kepentingan orang Sarawak.⁵¹ Peranan dan jasa Pesaka juga disebarkan kepada rakyat melalui siaran politik, di mana PESAKA menekankan bahawa walaupun ia hanya terbuka kepada bumiputera Sarawak, ia percaya akan politik pelbagai kaum, dan gembar-gemburkan pencapaian PESAKA di bawah Ketua Menteri Tawi Sli.⁵²

Sebelum ini, PESAKA dikatakan mempunyai dasar yang terlalu kabur, namun Tawi Sli cuba menggariskan dasar PESAKA yang lebih jelas berkiblatkan identiti Iban dan Sarawak. Ini perlu bagi melawan pengaruh parti SNAP yang sudah mula cuba meletakkan diri mereka sebagai wakil suara Dayak yang sebenar. Maka, pemimpin PESAKA menjelang persediaan pilihan raya negeri yang dijangka berjalan pada tahun 1969, mula membuat kenyataan yang lebih tegas mengenai isu seperti bahasa kebangsaan, peluang pendidikan dan pemberian biasiswa kepada anak Iban.⁵³

Selain suara Dayak secara khusus, PESAKA juga bersaing dengan Bumiputera untuk menjadi wakil suara semua bumiputera Sarawak. Usaha PESAKA untuk merekrut orang Melayu dan Melanau menyebabkan mereka berkonflik dengan Bumiputera, yang juga ingin menyatukan orang Melayu dan Dayak dalam parti mereka. Konflik antara parti ini termasuk konflik dalam pembahagian kerusi bagi pilihan raya 1969. Bagi menegaskan lagi imej Dayak dalam PESAKA, pada 21 Mac 1969, PESAKA mengisytiharkan akan menggunakan logo perisai Dayak sebagai simbol mereka, berbanding Bumiputera yang menggunakan simbol

kapal layar Perikatan, yang dikaitkan dengan ‘orang laut’ atau orang pesisir yang beragama Islam. PESAKA, walaupun masih dalam Perikatan, telah berkeputusan meletakkan calon di kawasan yang mempunyai calon Bumiputera.⁵⁴

Tawi Sli, walaupun cuba mengambil pendekatan yang seimbang dalam perwakilan ahli Perikatan Sarawak, tidak dapat menandingi cita-cita politik dalam PESAKA dan juga Bumiputera, dan keputusan beliau untuk mengangkat kedudukan PESAKA sebagai parti beridentiti Sarawak dan Dayak telah membawa kepada konflik antara parti dalam Perikatan Sarawak.

USAHA MEMPERTAHANKAN SARAWAK DALAM MALAYSIA

Kedudukan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia masih dipersoalkan dalam beberapa tahun awal selepas Pembentukan Malaysia. Ancaman yang menentang susunan politik ini datang dari luar, iaitu Indonesia, dengan pengisytiharan Konfrontasi oleh Presiden Sukarno, dan penghantaran kumpulan subversif ke sempadan Sarawak-Kalimantan yang mengancam keselamatan negeri ini. Selain itu, ancaman ini juga datang dari dalam Sarawak sendiri, iaitu golongan radikal dalam SUPP yang berkait dengan elemen komunis yang ingin Sarawak keluar dari Malaysia,⁵⁵ dan juga elemen cauvinis kenegerian seperti yang dicerminkan dalam slogan ‘Sarawak for Sarawakian’ oleh Parti SNAP selepas kejatuhan kerajaan Stephen Kalong Ningkan.⁵⁶

Bagi Tawi Sli, ancaman-ancaman ini menjadi asbab yang amat kuat untuk mengesahkan kedudukan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia. Dua perkara telah menjadi asas kepada sokongan kerajaan beliau terhadap Persekutuan yang baharu ini: isu keselamatan dan kewangan. Dalam isu keselamatan, ancaman kumpulan subversif dari Indonesia telah menyeberang masuk ke Sarawak dan melakukan tindakan keras termasuk membunuh dan menculik rakyat Sarawak. Misalnya, pada 24 Jun 1966, pemimpin kesatuan pegawai Asia Sarawak (SGAOU) memohon kerajaan baharu di bawah Tawi Sli untuk memastikan tiga pegawai Sarawak Medical Department yang diculik oleh pengganas asing dan dibawa ke Indonesia diselamatkan.⁵⁷ Antara kumpulan pengganas dan subversif yang dinamakan oleh Tawi Sli dalam ucapan beliau termasuk Tentera Nasional Kalimantan Utara dan Negara Kesatuan Kalimantan, *Sarawak Farmers Association*, *North Kalimantan National Liberation League*, dan lain-lain pertubuhan haram, yang ingin “*impose a Communist dictatorship upon us by force...*”⁵⁸ Oleh itu, keselamatan Sarawak adalah bergantung kepada tentera Komanwel dan Angkatan Tentera Malaysia, terutamanya askar dari Tanah Melayu untuk menjaga sempadan Sarawak. Maka, adalah patut bagi Sarawak berterima kasih kepada mereka kerana mempertahankan keselamatan dan kedaulatan Sarawak: “*All of them have proved to be our true and loyal defenders, and the way they have contributed to our national defence and security is beyond praise. We must especially pay tribute to the hard work, devotion and sacrifice of our Malaysian security Forces, such as the Sarawak Constabulary, our own 1st Battalion, Malaysia Rangers, and all the various units of our Army, Navy and Air Force from the mainland.*”⁵⁹

Selepas hubungan Malaysia dan Indonesia bertambah baik dengan berakhirnya Konfrontasi, Tawi Sli mengulangi bahawa Sarawak berkeinginan untuk kekal dalam negara Malaysia yang stabil dan bersatu.⁶⁰ Seterusnya, isu keselamatan lebih tertumpu kepada ancaman komunis. Beliau menyeru komunis untuk meletak senjata dan kembali kepada keluarga mereka, dan mereka akan diberi bantuan oleh kerajaan.⁶¹ Malah, Tawi Sli juga meminta bantuan kepada pihak Indonesia, yang baru sahaja berdamai dengan Malaysia, untuk membantu Sarawak dengan menggugurkan risalah mendesak pihak komunis menyerah diri.⁶² Bagi Tawi Sli, ancaman ini tentu lebih serius, apatah lagi, menurut Menteri Dalam Negeri, Tun Dr Ismail, kumpulan *Communist Clandestine Organisation* (CCO) masih beroperasi di

Simanggang, iaitu kampung halaman Ketua Menteri,⁶³ dan pergerakan CCO masih boleh mengancam perjalanan pilihan raya di Sabah dan Sarawak.⁶⁴

Tawi Sli juga cuba menekankan kepada rakyat Sarawak mengenai kepentingan Persekutuan kepada Sarawak dari segi kewangan, terutamanya keperluan Sarawak untuk bergantung kepada Kerajaan Persekutuan bagi mendapat dana pembangunan. Dalam ucapan-ucapan beliau, penekanan diberi kepada usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membawa pembangunan ekonomi kepada Sarawak, apatah lagi dibandingkan dengan zaman penjajahan. Dalam Council Negri, beliau menegaskan,

*It is difficult to overestimate the importance to Sarawak of this assistance. It is surprising therefore that there still exist some people who admit that Sarawak receives tremendous benefit from the Central Malaysian government but who like to pretend that the disadvantages of belonging to the Federation are more important than the financial benefits which we receive. ...Some people who suppose themselves to be intelligent spend a lot of time criticising Malaysia, but none of them has any sensible alternative to offer. To criticise in this way is childish and unhelpful...*⁶⁵

Dan dalam ucapan melalui siaran pada hari yang sama, Tawi Sli juga menjelaskan bahawa Sarawak masih bergantung kepada dana kerajaan pusat untuk pembangunan. Menurut Perjanjian Malaysia, Kerajaan Persekutuan telah memberi Sarawak geran yang besar, termasuk “escalating grant” selama lima tahun untuk mengembangkan pekhidmatan kerajaan negeri. Jumlah perbelanjaan pembangunan keseluruhan di Sarawak, oleh Persekutuan dan Negeri berjumlah \$43 juta pada 1964, meningkat kepada \$61 juta pada 1965 dan \$63 juta pada 1966. Daripada jumlah yang disenaraikan, Kerajaan Persekutuan menyumbang sebanyak 84% jumlah perbelanjaan pembangunan pada 1964 dan 91% pada tahun 1965. Malah, dalam sumbangan perbelanjaan kerajaan negeri berjumlah \$36.7 juta, kerajaan Persekutuan akan membayar kembali kerajaan negeri sebanyak \$26.1 juta.⁶⁶

Pada tahun-tahun berikutnya, Tawi Sli juga memperakui bantuan Kerajaan Pusat kepada pembangunan ekonomi dan sosial di Sarawak, misalnya pengenalan sistem pembangunan ekonomi luar bandar, atau sistem Buku Merah yang sudah diguna pakai di Tanah Melayu, yang membolehkan pembangunan Sarawak menjadi lebih pesat.⁶⁷ Dalam ucapan beliau berterima kasih atas bantuan perkhidmatan bas dari Miri ke Sekaloh dan dari Bintulu ke Sibu yang ditaja oleh MARA, agensi Kerajaan Persekutuan untuk membantu meningkatkan pembangunan sosial dan ekonomi bumiputera di kawasan desa, “*Once we attained independence through the formation of Malaysia, for the first time we realized how little the colonial master had done for us and how much we needed to do for our people, whose well-being was at the lowest ebb.*”⁶⁸

Sebagai timbal balas, pihak Menteri dan pegawai Kerajaan Persekutuan juga membuat lawatan ke Sarawak untuk memberi sokongan kepada kerajaan Tawi Sli dan menekankan kepentingan Sarawak kekal dalam Malaysia. Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman, dalam Konvensyen Perikatan di Kuching pada 26 Oktober 1967, menyatakan bahawa Sabah dan Sarawak akan menerima lebih daripada \$400 juta untuk pembangunan Malaysia Timur dalam masa lima tahun ke hadapan, dana akan diberi oleh Kerajaan Persekutuan, dan juga menegaskan bahawa Sabah dan Sarawak telah diberi banyak kelebihan, misalnya jumlah kerusi dalam Parlimen yang jauh melebihi jumlah penduduk mereka, dan suara menghantar perwakilan yang tidak wujud semasa zaman Jajahan British.⁶⁹ Pada 25 Oktober, iaitu sehari sebelum Konvensyen Perikatan, Tunku juga menegaskan bahawa Malaysia bukan projek kolonialisme dari Kuala Lumpur dan Sarawak bukan jajahan, tetapi sebahagian daripada 13 negeri yang mempunyai kerjasama dan tanggungjawab yang setara.⁷⁰ Kenyataan-kenyataan oleh Perdana Menteri ini perlu bagi meyakinkan rakyat Sarawak bahawa Kerajaan Persekutuan

tidak masuk campur dalam pentadbiran Sarawak dan Ketua Menteri Tawi Sli, walaupun keberkesanan mesej ini boleh dibahaskan.

Memperjuangkan Hak Sarawak

Sebagai Ketua Menteri Sarawak, Tawi Sli telah berusaha untuk mempertahankan kepentingan dan hak Sarawak, walaupun mengakui kebergantungan Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan dalam beberapa aspek seperti kewangan dan keselamatan. Asas mempertahankan hak Sarawak berdasarkan kepada Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) yang menggariskan kuasa negeri Sarawak, dan diterima sebagai dokumen asas dalam pembentukan Malaysia seperti yang ditetapkan oleh Council Negri pada 8 Mac 1963.⁷¹ Antara isu hak Sarawak yang diperjuangkan Tawi Sli termasuk status Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi, proses Borneanisasi pekhidmatan awam, isu kewangan Sarawak, dan hak Sarawak ke atas minyak dan gas. Dalam hal Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi Sarawak, tidak ada perbezaan dalam pendirian rasmi kerajaan Tawi Sli dan pendahulunya, Stephen Kalong Ningkan. Misalnya, beberapa hari selepas pelantikan kabinet pertama Tawi Sli, Menteri Perhubungan dan Kerja Raya, Tajang Laing, menegaskan bahawa tidak perlu bimbang dengan pengenalan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, selagi tidak diluluskan oleh Council Negri, dan Bahasa Inggeris masih digunakan sebagai bahasa di sekolah.⁷²

Bagi Tawi Sli sendiri, pendekatan beliau dalam membincangkan status Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris lebih lunak berbanding Ningkan, yang dilihat lebih keras. Namun, intipati pendirian mereka adalah sama. Dalam satu ucapan pada 18 Julai 1966, beliau menerima kepentingan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan penyatuan Malaysia, supaya, *“we can identify ourselves as true and loyal Malaysians...Every thoughtful person must recognise the need for an independent country to have its own language.”* Tambahan lagi, Tawi Sli menggariskan lima hujah bagi menerima Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan: (1) sebagai rakyat Malaysia yang setia dan benar, (2) Bahasa negara yang merdeka yang tidak berpegang kepada bahasa penjajah, (3) Bahasa *lingua franca* Sarawak, (4) tidak mengenyepikan perkembangan Bahasa Iban, dan (5) keserupaan antara Iban dan Bahasa Melayu.⁷³

Namun, lebih awal dalam ucapan tersebut, beliau menafikan bahawa pengenalan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal di Semenanjung Malaysia pada 1967 itu terpakai kepada Sarawak. Menurut beliau, *“English continues to be the official language of Sarawak until 1973 or until such later date as Council Negri may decide”* dan *“The agreement reached is given in Section 28 of the Inter-Government Committee Report and in Section 24(8) of the State Constitution.”* Tambahan lagi, penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah adalah perlu, kerana Bahasa Inggeris adalah kunci kepada kemajuan pendidikan yang pesat, yang dinafikan kepada mereka semasa zaman Raja Brooke.⁷⁴ Sekiranya Sarawak berkeputusan memperkenalkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal dan mengenyepikan Bahasa Inggeris di sekolah dan dalam pentadbiran, maka keputusan itu berada di tangan Council Negri Sarawak sahaja dan tidak boleh dipaksa oleh Kerajaan Persekutuan.

Bagi Borneanisasi, pentadbiran Tawi Sli memperlihatkan proses Borneanisasi perkhidmatan awam berlaku dengan pesat. Pada 27 Jun 1966, Tawi Sli menyatakan perlunya sebuah negara yang merdeka ditadbir oleh pegawai tempatan, dan menjelang akhir bulan Ogos 1966, jawatan perkhidmatan awam yang tertinggi telah di-Borneanisasi-kan, iaitu penggantian pegawai dagang British dengan pegawai anak negeri. Tony Shaw, Setiausaha Negeri, telah digantikan dengan Gerunsin Lemat, seorang pegawai Iban. T'en Kuen Foh, seorang Cina yang sudah dilantik sebagai pemangku Setiausaha Kewangan, telah menggantikan John Pike dan dilantik secara rasmi pada November 1966. Manakala, Abang Yusuf Puteh, seorang Melayu, dilantik sebagai *Establishment Officer* yang mempunyai pengaruh yang luas dalam pelantikan dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam.⁷⁵

Abdul Taib Mahmud, Menteri dalam kabinet Tawi Sli, telah mendirikan sebuah jawatankuasa khas untuk mempercepatkan proses Borneanisasi bagi lebih 300 jawatan yang masih dipegang oleh pegawai dagang, bagi mengurangkan peranan mereka dalam pembentukan dasar.⁷⁶ Tawi Sli mengumumkan bahawa proses Borneanisasi perkhidmatan awam negeri telah selesai pada Oktober 1967, dengan penggantian jawatan Residen kelima-lima Bahagian Sarawak dengan anak negeri, dan juga jawatan-jawatan lain seperti Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri, dan tiga Setiausaha Tetap. Selain itu, jawatan Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Pengawal Serantau Kastam dan Eksais, Pegawai Perhubungan Negeri, Pengarah Pendidikan, Pesuruhjaya Polis, dan Pesuruhjaya Buruh, telah disandang oleh orang tempatan, termasuk pegawai dari Sarawak dan Tanah Melayu.⁷⁷

Tawi Sli mempertahankan keputusan proses Borneanisasi, termasuk penggantian pegawai dagang dengan pegawai dari Tanah Melayu, dan menyelar pemikiran bahawa pegawai dari Tanah Melayu adalah orang luar. Dalam bacaan Rang Undang-Undang Supply 1967 dalam Council Negri:

*...the type of thinking which regards Malaysians from other states as being expatriates is mean, small-minded and parochial, and is, I am afraid, typical of some of the thinking of the members opposite. The Chief Minister assured the House that priority was being given to the local people when it came to filling Government vacancies...asked Honourable Members from both sides of the House to extend a vote of thanks to these officers from West Malaysia who had come over to help us in our time of need.*⁷⁸

Dalam hal kewangan, walaupun kerajaan Tawi Sli berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi bantuan kewangan dan geran bagi pembangunan negeri, namun beliau juga cuba untuk menekan Kerajaan Persekutuan untuk memberi dana yang lebih bagi memastikan projek pembangunan negeri berjalan lancar. Kebimbangan bahawa pengurangan dana daripada Kerajaan Persekutuan akan menyebabkan bajet negeri tidak seimbang mendorong lawatan beliau Sarawak ke Kuala Lumpur bagi memohon dana pembangunan yang lebih tinggi. Namun, pertemuan delegasi Sarawak dengan Menteri Kewangan, Tan Siew Sin, pada 17 Disember 1968 menemui kegagalan, dan terpaksa menerima tawaran peruntukan yang asal. Namun, beliau masih menegaskan bahawa peruntukan yang kurang ini akan memberi kesan kepada projek pembangunan Sarawak.⁷⁹

Hal dana dan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Sarawak ini juga berkaitan dengan salah satu perkara yang penting bagi hak Sarawak: minyak dan gas. Menurut Leo Moggie, Timbalan Setiausaha Negeri, pendirian negeri Sarawak adalah medan minyak dan gas di Miri dan Bintulu berada di bawah bidang kuasa kerajaan Sarawak, dan hak minyak dan gas di pelantar benua bersebelahan Sarawak adalah disokong oleh Konvensyen Geneva 1959, yang wujud sebelum pembentukan Malaysia pada 1963. Pada pendirian Sarawak, Kerajaan Persekutuan tiada hak ke atas pelantar benua di Sarawak, walaupun sehingga had 12 batu nautika. Ini berbeza daripada pandangan Kerajaan Persekutuan bahawa hak kerajaan negeri adalah setakat tiga batu nautika daripada pesisir, manakala antara tiga batu dan 12 batu nautika tertakluk di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Tawi Sli telah bersetuju dengan pendirian ini setelah menerima nasihat daripada Tan Chiaw Thong, Peguam Besar Negeri Sarawak.⁸⁰

Selepas perbincangan dengan Menteri Kewangan pada Disember 1968, kerajaan Tawi Sli bersedia menerima pengurangan geran daripada Kerajaan Persekutuan, daripada \$27 juta pada tahun 1969 kepada \$12 juta pada tahun 1970 dengan jaminan secara lisan bahawa Sarawak akan menerima hasil pendapatan di luar pesisir, walaupun tiada rekod bertulis ataupun perakuan daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Malah, beliau tidak memohon timbang tara pihak ketiga seperti yang dinyatakan dalam Laporan IGC.⁸¹ Ini merupakan kesilapan besar oleh Tawi Sli, kerana mempercayai jaminan ini tanpa rekod bertulis. Namun, bagi berlaku adil

kepada Tawi Sli, ahli delegasi yang terlibat dalam rundingan dengan Tan Siew Sin juga tidak mengesahkan atau menafikan kewujudan jaminan lisan ini, termasuk Teo Kui Seng, Abang Ikhwan Zaini, Gerunsin Lembat, T'en Kuen Foh, dan Tan Chiaw Thong.

Kabinet Sarawak bertemu sekali lagi dengan Kerajaan Persekutuan pada Oktober 1969 untuk berunding mengenai isu perluasan Akta Pelantar Benua 1966 ke Sarawak, namun tiada persetujuan dicapai.⁸² Leo Moggie, dalam sebuah laporan CIA, menyatakan bahawa Tawi Sli menyokong pendirian ini, namun personaliti beliau terlalu lembut, dan tidak percaya bahawa kabinet beliau, termasuk Temenggung Jugah, boleh memberi sokongan terhadap isu ini.⁸³ Pada 14 November 1969, Kerajaan Persekutuan telahewartakan Akta Pelantar Benua (Malaysia Barat) dan Akta Petroleum untuk merangkumi Sarawak. Tawi Sli menyatakan bahawa pewartaan ini dilakukan tanpa persetujuan Kerajaan Negeri, dan menyangka bahawa perundingan dengan Kerajaan Persekutuan pada bulan lepas masih memerlukan perundingan lanjut yang akan mencapai penyelesaian yang baik bagi kedua belah pihak.⁸⁴

Dalam perkara ini, kelemahan peribadi yang dikaitkan dengan personaliti Tawi Sli tidak harus diterjemahkan kepada menjadi pak turut kepada Kerajaan Persekutuan. Tiada bukti jelas bahawa beliau menerima diktat atau direktif dari Kuala Lumpur secara bulat-bulat, malah dalam isu seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, kewangan negeri, dan sempadan pelantar benua dan hasil minyak dan gas, menunjukkan Ketua Menteri yang berjuang mempertahankan hak Sarawak daripada Kerajaan Persekutuan.

Pendirian Tawi Sli yang mempertahankan hak Sarawak berkemungkinan membawa kepada penyisihan beliau di Sarawak selepas tahun 1969. Pengisytiharan darurat di seluruh negara selepas rusuhan kaum yang meletus di Kuala Lumpur dan Selangor meletakkan seluruh negara di bawah pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan Majlis Gerakan Negeri (SOC). Tambahan lagi, Darurat di seluruh negara ini telah mengganggu proses pilihan raya di Sarawak, yang sepatutnya dijalankan pada tahun tersebut. Beberapa tindakan Kerajaan Pusat dilihat sebagai tidak menghormati kedudukan beliau sebagai Ketua Menteri Sarawak. Isu yang menyinggung kehormatan kedudukan beliau adalah dengan pemilihan ketua SOC. Walaupun Tawi Sli ada dilantik ke jawatan ini buat sementara, namun nama beliau telah dipadam daripada pemberitahuan dalam *Sarawak Government Gazette* sebelum penerbitan⁸⁵ Walaupun beliau dilantik sebagai Pengerusi Majlis Muhibah Negeri pada 12 Februari 1970,⁸⁶ kuasa eksekutif yang sebenar berada di tangan ketua SOC, iaitu Harun Ariffin, Setiausaha Persekutuan Sarawak yang berasal dari Kedah. Penyisihan Tawi Sli ini mendatangkan rasa tidak puas hati, kerana di negeri-negeri lain, ketua SOC adalah disandang oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing. Tawi Sli membuat kenyataan dalam akhbar *Vanguard* bertarikh 15 November 1969 menyatakan kekecewaan bahawa SOC Sarawak diketuai oleh seorang pegawai dari Tanah Melayu, kerana seolah-olah Sarawak ditadbir terus dari Kuala Lumpur berbanding di bawah pentadbiran seorang anak Sarawak.⁸⁷

Menjelang pertengahan tahun 1970, Tawi Sli sudah menunjukkan ketegangan dengan Kerajaan Persekutuan atas isu hak Sarawak. Dalam perbualan antara beliau dan J.R. Rowland, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia pada 6 Mei 1970, beliau menyatakan rasa tidak puas hati terhadap Kerajaan Persekutuan, yang seolah-olah tidak memahami dan tidak berminat untuk memahami masalah Sarawak, pembolotan kuasa Persekutuan ke atas hampir kesemua sumber pendapatan kecuali lesen balak, dan tiada pemimpin yang boleh mewakili suara Sarawak di Kuala Lumpur dengan berkesan.⁸⁸ Selepas pilihan raya di Sarawak pada pertengahan 1970, walaupun Tawi Sli memenangi kawasan bertanding beliau, namun beliau tidak lagi dicalonkan sebagai Ketua Menteri Sarawak, dan digantikan dengan Abdul Rahman Yakub pada 7 Julai 1970.⁸⁹ Dalam hal ini, bintang bekas Ketua Menteri ini sudah malap, dan beliau tidak lagi diberi jawatan yang penting dalam kerajaan.

KESIMPULAN

Kajian biografi tokoh, terutamanya tokoh negeri atau wilayah, adalah perlu bagi memberi pemahaman yang adil mengenai peranan mereka. Jelas bahawa Tawi Sli antara tokoh politik yang perlu diberi perhatian. Dalam penulisan ini, boleh dipersoalkan pandangan bahawa Tawi Sli merupakan pemimpin boneka yang hanya menurut arahan Kuala Lumpur. Beliau berpolitik dan bercita-cita untuk menjadi Ketua Menteri, dan menjatuhkan Stephen Kalong Ningkan. Apa-apa kelemahan semasa pentadbiran beliau boleh dikaitkan dengan keperibadian beliau yang lembut, bukan bersifat *strongman*, dan juga disebabkan oleh usaha dan kegagalan beliau untuk mencapai keseimbangan dalam Perikatan Sarawak. Namun, tidak boleh dinafikan bahawa pentadbiran Tawi Sli berusaha bukan sahaja untuk mengesahkan kedudukan Sarawak dalam Malaysia, tetapi juga memperjuangkan hak Sarawak, sambil mengimbangi kepentingan yang pelbagai dalam Perikatan Sarawak, sehingga akhirnya beliau digantikan dengan Abdul Rahman Yakub pada tahun 1970. Selepas tempoh itu, beliau secara beransur-ansur kehilangan pengaruh dan juga tempat dalam sejarah Sarawak.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana telah memberikan sejumlah dana untuk menjalankan kajian sejarah pembentukan Malaysia dan Perjanjian Malaysia 1963 di bawah geran FRGS/1/2022/SSI08/UKM/02/1 yang bertajuk “Membangunkan Pelan Pengukuhan Integrasi Nasional Menerusi Perjanjian Malaysia 1963”.

NOTA

¹ Bagi biografi dan memoir ini, lihat Vinson H. Sutlive Jr. 1992. *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd; James Ritchie (ed. Patrick Yeoh). 2006. *Temenggong Oyong Lawai Jau: a paramount chief of Borneo*, Sarawak: James Ritchie; Bob Reece. 1993. *Datu Bandar: Abang Hj Mustapha of Sarawak: Some Reflections of His Life and Times*, Kuala Lumpur: Sarawak Literary Society; Suffian Mansor. 2013. ‘Datuk Stephen Kalong Ningkan: Dari Pemimpin Kerajaan ke Pemimpin Pembangkang,’ dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Zuliskandar Ramli (ed.) *Panji Pendeta*, Bangi: Institut ATMA, UKM, 739-769; Jeniri Amir. 2023. *Abdul Rahman Yakub: Pemimpin Tiga Zaman*, Seri Kembangan: Firdaus Press Sdb. Bhd.; Siva Kumar G. 1991. *Taib, a Vision for Sarawak*. Kuching: Jacamar; Neilson; Neilson Ilan Mersat & Spencer Empading Sanggin. 2011. *Dato’ Sri Edmund Langgu Anak Saga...seorang pemimpin dan pejuang*, Kota Samarahan: UNIMAS; James Wong Kim Min. 1983. *The Price of Loyalty*. Singapore: Summer Times; Stephen K.T. Yong. 2010. *A Life Twice-Lived*, Kuching: Estate of Stephen Yong; Ong Kee Hui. 1998. *Footprints in Sarawak: Memoirs of Tan Sri (Dr) Ong Kee Hui, 1914 to 1963*, Kuching: Research & Resource Centre, SUPP Headquarters; Leo Moggie. 2018. *From Longhouse to Capital. Recollections*. Petaling Jaya: MPH Publishing.

² James Chin. 1997. ‘Politics of Federal Intervention in Malaysia, with Reference to Sarawak, Sabah and Kelantan.’ *Journal of Commonwealth and Comparative Politics*, 35(2). Julai, 101; Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya. 2017. *A History of Malaysia (Third Edition)*. London: Palgrave, 294; Nidzam Sulaiman. 2006. *Pakatan dalam Politik Sarawak*. Bangi: Penerbit UKM, 213.

³ Michael B. Leigh, 1974. *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*. Sydney: Sydney University Press; Margaret Clarke Roff. 1974. *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press; Jayum A. Jawan. 1994. *Iban Politics and Economic Development: Their Patterns and Change*, Bangi: Penerbit UKM.

-
- ⁴ James P. Ongkili. 1972. *Modernization in East Malaysia 1960-1970*, Kuala Lumpur: Oxford University Press; R.S. Milne & K.J. Ratnam. 1974. *Malaysia – New States in a New Nation. Political Development of Sarawak and Sabah in Malaysia*, London: Frank Cass.
- ⁵ Jayum Jawan, 2001. 'Penghulu Datuk Tawi Sli,' dalam Vinson & Joanne Sutlive (Gen. Eds.), *The Encyclopaedia of Iban Studies. Iban History, Society, and Culture*. Vol. III, O-Z, Kuching: The Tun Jugah Foundation, 1442 & 1834
- ⁶ *The Straits Times*. 1966. 'Life at the Top – by the man who doesn't want to be there,' 3 Julai, 11.
- ⁷ Mohamed Noordin Sopiee. 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation, Political Unification in the Malaysia Region, 1945-65*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 137-139.
- ⁸ Peter Searle. 1983. *Politics in Sarawak 1970-1976, The Iban Perspective*, Singapore: Oxford University Press, 29.
- ⁹ CO947/43, Cobbold Commission, Submission-Simanggang II and III, Surat Edward W. Howell & Tawi Sli kepada Suruhanjaya Cobbold, 19 Mac 1962.
- ¹⁰ *Borneo Post*. 2011. 'Revisiting 48 Years of Leadership.' 16 September.
- ¹¹ TARP.JPM 205/1957, Sarawak Alliance, Minutes of the first meeting of the Executive Committee of the Sarawak Alliance...21st January, 1963
- ¹² *Sarawak Gazette*, 1963. 'Table III: Council Negri Election Results.' 31 Ogos, 187.
- ¹³ Suffian Mansor 2013, 746.
- ¹⁴ Stanley Bye Kadam-Kiai, Dick Lembang Dugun. 2020. 'Revisiting early Political History of Modern Sarawak through the making of Stephen Kalong Ningkan as Sarawak's first Chief Minister,' *Journal of Borneo-Kalimantan*, 6(1), 102.
- ¹⁵ Craig A. Lockard. 1967. 'Parties, Personalities and Crisis Politics in Sarawak,' *Journal of Southeast Asian History*, 8(1), March, 117-118.
- ¹⁶ Sutlive Jr. 1992, 248-249.
- ¹⁷ G. Geldard, *The Straits Times*. 1966. 'Ningkan loses 2 strong men to Pesaka,' 16 April, 1.
- ¹⁸ Roff 1974, 136-137.
- ¹⁹ G. Geldard. *The Straits Times*. 1966. 'Sarawak's new C.M.' 16 Jun, 1.
- ²⁰ Suffian Mansor 2013, 747.
- ²¹ *Sarawak Tribune*. 1966. 'Tawi Sli Echoing His Master's Voice' Yong.' 17 September, 2.
- ²² Roff 1974, 138.
- ²³ Alastair Morrison. 1993. *Fair Land Sarawak: Some Recollections of an Expatriate Official*, Ithaca: Cornell University, 173.
- ²⁴ *Dewan Rakyat, Official Report, Third Session of the Second Parliament of Malaysia*, 1966. 19 September, col. 2070-2072
- ²⁵ *Ibid.*, col. 2111.
- ²⁶ C.V. Das, 1996. *Governments & Crisis Powers. A Study of the Use of Emergency Powers Under the Malaysian Constitution And Parts of the Commonwealth*, Kuala Lumpur: The Malaysian Current Law Journal Sdn. Bhd., 164-165.
- ²⁷ Suffian Mansor. 2024. *Parti Negara Sarawak dalam Sejarah Politik Sarawak*, Bangi: Penerbit UKM. 138-149.
- ²⁸ Milne & Ratnam 1974, 373
- ²⁹ *The Vanguard*, 1966. 'Tawi Sli: Ningkan is bitter.' 25 Jun, 1.
- ³⁰ Suffian Mansor 2024, 138-143
- ³¹ Abdul Rahman Abdul Aziz, Mustapa Kassim. 2009. *Amanat Presiden, 1951-1971 Tunku Abdul Rahman*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd, 341.
- ³² TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, Statement Released by Penghulu Tawi Sli, Leader of the Majority Members of Council Negri: Sept. 9, 1966 at Kuching, 9 Sept 1966

-
- ³³ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, Text of Petition Sent By 25 Members of Council Negri to His Excellency the Governor This Morning. September 13, 1966
- ³⁴ Das 1996, 165-166.
- ³⁵ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, PEN 9/66/317 (INF) Meeting of Council Negri, Sarawak, 23 Sept 1966
- ³⁶ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, PEN 9/66/332 (INF), Penghulu Tawi Sli Thanks People, 25 Sept 1966
- ³⁷ Suffian Mansor 2024, 139.
- ³⁸ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, PEN. 7/66/206 (INF), Sarawak Chief Minister's Statement, 14 Julai 1966
- ³⁹ Suffian Mansor 2024, 147.
- ⁴⁰ Siva Kumar G 1991, 16.
- ⁴¹ Moggie 2018, 87.
- ⁴² Jayum A. Jawan. 1993. *The Iban Factor in Sarawak Politics*. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia Press. 23.
- ⁴³ Moggie 2018, 95.
- ⁴⁴ Milne & Ratnam 1974, 290-291.
- ⁴⁵ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, PEN 10/66/61, All Races Are Malaysians, Says Tan Sri Jugah, 4 Oct 1966
- ⁴⁶ *Sarawak Tribune*. 1967. 'Cabinet Reshuffle Demand,' 29 Oktober, 1.
- ⁴⁷ *Sarawak Tribune*. 1967. 'Pesaka Leaders: We Are Very Angry. Ultimatum to Sli.' 21 November, 1.
- ⁴⁸ *The Sunday Times*. 1967. 'Sarawak Cabinet Reshuffle.' 12 November, 1.
- ⁴⁹ Suffian Mansor. 2016. 'Pakatan Politik Berasaskan Kaum: Kerelevanan dan Kelangsungan Jawatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak (1963-2016)', *Jebat* 43(2), 107
- ⁵⁰ *The Sunday Times*. 1967. 'Sarawak Cabinet Reshuffle.' 12 November, 1.
- ⁵¹ *The Straits Times*. 1967. 'Sli: Only Pesaka can protect Dayaks.' 16 Januari, 11.
- ⁵² Jayum A. Jawan 1994, 93.
- ⁵³ Searle 1983, 32-33.
- ⁵⁴ Suffian Mansor, 2003, 'PESAKA dan Bumiputera Dalam Politik Sarawak, 1967-1970', *Purba* 22, 134
- ⁵⁵ TARP.JPM 713/1957, Press Release 1967 Sarawak, PEN.11/67/127, Statement by Sarawak Chief Minister, 11 November 1967.
- ⁵⁶ C. Burns. *The Age*. 1966. 'Malaysia facing secession threat in Borneo.' 28 September, 4.
- ⁵⁷ G. Geldard. *The Straits Times*. 1966. 'Tawi offers a new deal to the rural people.' 24 Jun, 11.
- ⁵⁸ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, PEN 7/66/425, Broadcast Talk By Penghulu Tawi Sli, 28 Julai 1966
- ⁵⁹ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, Sarawak Chief Minister's New Year Message, 31 December 1966
- ⁶⁰ Ongkili 1972, 17.
- ⁶¹ Ho Ah Chon. 1996. "*Sarawak Historical Events*" in 1966 No. 3, Kuching: Ho Ah Chon, 73
- ⁶² Kunaseelan a/l Muniandy. 1996. *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 272.
- ⁶³ Ho 1996, 105
- ⁶⁴ Kunaseelan a/l Muniandy 1996, 272.
- ⁶⁵ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, PEN 12/66/229 (INF), Sarawak Council Negri Meeting Budget Speech, 13 Dec. 1966
- ⁶⁶ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, PEN 12/66/228 Broadcast By Sarawak's Chief Minister, 13 December 1966

-
- ⁶⁷ *Malaysia*. 1967. 'Reported from Sarawak: Red Book Plan.' Jun, 23
- ⁶⁸ *Malaysia*. 1967. 'Big Dividends for Sarawak,' Disember, 16.
- ⁶⁹ *Sarawak Tribune*. 1967. 'The Prime Minister's Policy Statement.' 27 Oktober, 6.
- ⁷⁰ TARP.JPM 721/1957, Prime Minister's General from July 1-December, 1967, PEN.10/67/371 (PEN), Tunku Dispels Fears That Malaysia Is Colonialism From K. Lumpur, 25 Oktober 1967
- ⁷¹ *The Straits Times*. 1963. 'Council Negri Adopts Report on Malaysia.' 9 Mac, 18.
- ⁷² *The Vanguard*. 1966. 'Minister: We know the problems.' 25 Jun, 1.
- ⁷³ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, Chief Minister of Sarawak "On National Language" 18 July 1966
- ⁷⁴ Ibid.
- ⁷⁵ Leigh 1974, 107.
- ⁷⁶ Ibid., 112.
- ⁷⁷ *Malaysia*. 1968. 'Reported from Sarawak: Local Men Take Over.' Mei, 14-16.
- ⁷⁸ TARP.JPM 714/1957, Sabah & Sarawak, PEN 12/66/241 Council Negri Meeting, 16 Dec 1966.
- ⁷⁹ M.K. Chan. *The Straits Times*. 1968. 'Sarawak team fails to get more aid.' 18 Disember, 7.
- ⁸⁰ Moggie 2018, 94-95.
- ⁸¹ Leigh 1974, 133.
- ⁸² Ibid.
- ⁸³ CIA. 1969. 'Implications of Dispute Over Sarawak Continental Shelf. Telegram American Consul Kuching to Secretary of State, Washington D.C.' 13 Oktober. <https://www.cia.gov/readingroom/docs/CIA-RDP08C01297R000300090003-9.pdf>
- ⁸⁴ NAA A1838, 3032/2/1 Part 10, Sarawak-Political-General, KL Savingram 47, 19 Nov 1969
- ⁸⁵ Leigh 1974, 132.
- ⁸⁶ TARP.JPM 631/1957, Perdana Menteri-Am 1970, PEN.2/70/148 (MUHIBBAH) (A), Perlantikan Ahli2 Majlis Muhibbah Negara, 12 Februari 1970.
- ⁸⁷ *The Vanguard*. 1969. 'Elections should be held: C.M.' 15 November.
- ⁸⁸ NAA: A1838, 3032/2/1 Part 11, Sarawak-Political-General, Record of Conversation with Dato Penghulu Tawi Sli, Chief Minister of Sarawak, 6th May 1970
- ⁸⁹ Goh Cheng Teik. 1971. *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 37.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz, Mustapa Kassim. 2009. *Amanat Presiden, 1951-1971 Tunku Abdul Rahman*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd,
- Andaya, B.W. & Andaya, L.Y. 2017. *A History of Malaysia (Third Edition)*. London: Palgrave.
- Borneo Post. 2011. "Revisiting 48 Years of Leadership." 16 September.
- Burns, C. *The Age*. 1966. "Malaysia facing secession threat in Borneo." 28 September.
- Chan, M. K. *The Straits Times*. 1968. "Sarawak team fails to get more aid." 18 Disember.
- Chin, J. 1997. "Politics of Federal Intervention in Malaysia, with Reference to Sarawak, Sabah and Kelantan." *Journal of Commonwealth and Comparative Politics* 35 (2). Julai, 96-120.
- CIA. 1969. "Implications of Dispute Over Sarawak Continental Shelf. Telegram American Consul Kuching to Secretary of State, Washington D.C." 13 Oktober. <https://www.cia.gov/readingroom/docs/CIA-RDP08C01297R000300090003-9.pdf>
- CO947/43. 1962. Cobbold Commission, Submission-Simanggang II and III, Surat Edward W. Howell & Tawi Sli kepada Suruhanjaya Cobbold, 19 Mac.
- Das, C.V. 1996. *Governments & Crisis Powers. A Study of the Use of Emergency Powers Under the Malaysian Constitution And Parts of the Commonwealth*, Kuala Lumpur: The Malaysian Current Law Journal Sdn. Bhd.
- Dewan Rakyat, Official Report, Third Session of the Second Parliament of Malaysia*. 1966. 19 September, 2053-2193.
- Geldard, G. *The Straits Times*. 1966. "Ningkan loses 2 strong men to Pesaka," 16 April.
- Geldard, G. *The Straits Times*. 1966. "Sarawak's new C.M." 16 Jun.
- Geldard, G. *The Straits Times*. 1966. "Tawi offers a new deal to the rural people." 24 Jun.
- Goh, C.T. 1971. *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ho, A.C. 1996. "Sarawak Historical Events" in 1966 No. 3, Kuching: Ho Ah Chon.
- Jayum A. Jawan. 1993. *The Iban Factor in Sarawak Politics*. Serdang: Universiti Pertanian Malaysia Press.
- Jayum A. Jawan. 1994. *Iban Politics and Economic Development: Their Patterns and Change*, Bangi: Penerbit UKM
- Jayum Jawan, 2001. "Penghulu Datuk Tawi Sli." In *The Encyclopaedia of Iban Studies. Iban History, Society, and Culture. Vol. III, O-Z*, edited by Vinson & Joanne Sutlive, 1442 & 1834. Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Kunaseelan a/l Muniandy. 1996. *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leigh, M.B. 1974. *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*. Sydney: Sydney University Press.
- Lockard, C.A. 1967. "Parties, Personalities and Crisis Politics in Sarawak." *Journal of Southeast Asian History* 8 (1), March, 111-121.
- Malaysia*. 1967. "Big Dividends for Sarawak," Disember.
- Malaysia*. 1967. "Reported from Sarawak: Red Book Plan." Jun.
- Malaysia*. 1968. "Reported from Sarawak: Local Men Take Over." Mei
- Milne, R.S. & Ratnam, K.J. 1974. *Malaysia – New States in a New Nation. Political Development of Sarawak and Sabah in Malaysia*, London: Frank Cass.
- Moggie, L. 2018. *From Longhouse to Capital. Recollections*. Petaling Jaya: MPH Publishing.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1974. *From Malayan Union to Singapore Separation, Political Unification in the Malaysia Region, 1945-65*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Morrison, A. 1993. *Fair Land Sarawak: Some Recollections of an Expatriate Official*. Ithaca: Cornell University.
- NAA A1838, 3032/2/1 Part 10. 1969. Sarawak-Political-General, KL Savingram 47, 19 November.
- NAA: A1838, 3032/2/1 Part 11. 1970. Sarawak-Political-General, Record of Conversation with Dato Penghulu Tawi Sli, Chief Minister of Sarawak, 6 May.
- Nidzam Sulaiman. 2006. *Pakatan dalam Politik Sarawak*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ongkili, J.P. 1972. *Modernization in East Malaysia 1960-1970*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roff, M.C. 1974. *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sarawak Gazette*, 1963. "Table III: Council Negri Election Results." 31 Ogos.
- Sarawak Tribune*, 1966. "Tawi Sli Echoing His Master's Voice' Yong." 17 September.
- Sarawak Tribune*. 1967. 'The Prime Minister's Policy Statement.' 27 Oktober.
- Sarawak Tribune*. 1967. "Cabinet Reshuffle Demand," 29 Oktober
- Sarawak Tribune*. 1967. "Pesaka Leaders: We Are Very Angry. Ultimatum to Sli." 21 November
- Searle, P. 1983. *Politics in Sarawak 1970-1976, The Iban Perspective*, Singapore: Oxford University Press.
- Siva Kumar G. 1991. *Taib, a Vision for Sarawak*. Kuching: Jacamar.
- Stanley Bye Kadam-Kiai, Dick Lembang Dugun. 2020. "Revisiting early Political History of Modern Sarawak through the making of Stephen Kalong Ningkan as Sarawak's first Chief Minister." *Journal of Borneo-Kalimantan*, 6 (1), 96-125
- Suffian Mansor. 2003. "PESAKA dan Bumiputera dalam Politik Sarawak, 1967-1970," *Purba* 22, 127-139
- Suffian Mansor. 2013. "Datuk Stephen Kalong Ningkan: Dari Pemimpin Kerajaan ke Pemimpin Pembangkang." Dalam *Panji Pendeta*, disunting oleh Abdullah Zakaria Ghazali dan Zuliskandar Ramli, 739-769. Bangi: Institut ATMA, UKM.
- Suffian Mansor. 2016. "Pakatan Politik Berasaskan Kaum: Kerelevanan dan Kelangsungan Jawatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak (1963-2016)." *Jebat* 43 (2), 100-123
- Suffian Mansor. 2024. *Parti Negara Sarawak dalam Sejarah Politik Sarawak*, Bangi: Penerbit UKM.
- Sutlive Jr., V. H. 1992. *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn, Bhd.
- TARP.JPM 205/1957. 1963. Sarawak Alliance. Minutes of the first meeting of the Executive Committee of the Sarawak Alliance...21 January.
- TARP.JPM 631/1957. 1970. Perdana Menteri-Am 1970. PEN.2/70/148 (MUHIBBAH) (A), Perlantikan Ahli2 Majlis Muhibbah Negara, 12 Februari.
- TARP.JPM 713/1957. 1967. Press Release 1967 Sarawak. PEN.11/67/127, Statement by Sarawak Chief Minister, 11 November.
- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. PEN 10/66/61, All Races Are Malaysians, Says Tan Sri Jugah, 4 October
- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. PEN 12/66/228 Broadcast By Sarawak's Chief Minister, 13 December.
- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. PEN 12/66/229 (INF), Sarawak Council Negri Meeting Budget Speech, 13 December.
- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. PEN 12/66/241 Council Negri Meeting, 16 December.
- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. PEN 7/66/425, Broadcast Talk By Penghulu Tawi Sli, 28 Julai.

- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. PEN 9/66/317 (INF) Meeting of Council Negri, Sarawak, 23 September.
- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. PEN 9/66/332 (INF), Penghulu Tawi Sli Thanks People, 25 September.
- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. PEN. 7/66/206 (INF), Sarawak Chief Minister's Statement, 14 July.
- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. Sarawak Chief Minister's New Year Message, 31 December.
- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. Statement Released by Penghulu Tawi Sli, Leader of the Majority Members of Council Negri: Sept. 9, 1966 at Kuching, 9 September.
- TARP.JPM 714/1957. 1966. Sabah & Sarawak. Text of Petition Sent By 25 Members of Council Negri to His Excellency the Governor This Morning. 13 September.
- TARP.JPM 714/1957.1966. Sabah & Sarawak. Chief Minister of Sarawak "On National Language" 18 July.
- TARP.JPM 721/1957. 1967. Prime Minister's General from July 1-December, 1967. PEN.10/67/371 (PEN), Tunku Dispels Fears That Malaysia Is Colonialism From K. Lumpur, 25 October.
- The Straits Times*. 1963. 'Council Negri Adopts Report on Malaysia.' 9 Mac.
- The Straits Times*. 1966. 'Life at the Top – by the man who doesn't want to be there,' 3 Julai.
- The Straits Times*. 1967. 'Sli: Only Pesaka can protect Dayaks.' 16 Januari.
- The Sunday Times*. 1967. 'Sarawak Cabinet Reshuffle.' 12 November.
- The Vanguard*, 1966. 'Tawi Sli: Ningkan is bitter.' 25 Jun.
- The Vanguard*. 1966. 'Minister: We know the problems.' 25 Jun.
- The Vanguard*. 1969. 'Elections should be held: C.M.' 15 November

Published online: 31 October 2025